



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNSUR EUFEMISME : GAYA BAHASA DALAM NOVEL

AZZAM ARIF BIN HASIM

(69202)

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Please tick (✓)

Final Year Project

Masters

PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Pengakuan Keaslian Hasil Kerja

Perakuan ini telah dibuat pada 06 Jun 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Azzam Arif bin Hasim bernombor matrik 69202 daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Unsur Eufemisme : Gaya Bahasa dalam Novel. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Azzamarif

06 Jun 2022

Azzam Arif Bin Hasim (69202)

Pengesahan Penyelia:

Saya Dr. Zurani binti Seruji dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Unsur Eufemisme : Gaya Bahasa dalam Novel telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada "FAKULTI" sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Zurani binti Seruji Tarikh:

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.

- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:

Tandatangan Penyelia:

Azzamarif

06 Jun 2022

06 Jun 2022

Alamat semasa pelajar:

No.143, Kampung Semera Laut, Asajaya, Samarahan, Sarawak.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah, atas limpah kurnia-Nya, kekuatan, motivasi yang diberikan sepanjang saya menjalankan tugas penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada penyelia saya, Dr. Zurani binti Seruji, atas arahan, toleransi, galakan, dan, memberikan kritikan serta cadangan yang bernas untuk menambah baik kerja saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga dan orang di sekeliling saya, atas sokongan dan pemahaman yang tidak putus-putus sejak tahun pertama sehingga saya menamatkan pengajian. Saya mungkin tidak dapat menyiapkan kajian ini sekiranya mereka tidak berada di sisi saya.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa rakan rapat saya atas sokongan dan keterujaan yang tidak berbelah bagi sepanjang saya menjalankan kajian. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya iaitu Ain Nurani, Nurbayani dan Norliana atas bantuan mereka dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Semoga Tuhan terus memberkati semua orang yang terlibat dalam menjayakan projek ini dengan kesenangan, kesihatan, dan kemakmuran seumur hidup

ABSTRAK

Eufemisme merupakan penggunaan bahasa yang menggunakan kata-kata yang manis untuk menggantikan kata-kata yang agak kasar. Unsur Eufemisme merangkumi bahasa halus yang digunakan bertujuan agar tidak menyinggung perasaan pendengar. Kajian berdasarkan unsur eufemisme dijalankan berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983). Kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan unsur eufemisme dalam novel berdasarkan tiga objektif yang iaitu meneliti unsur eufemisme dalam novel KOMSAS Silir Daksina, menganalisis makna sebenar yang digunakan oleh penulis, membincangkan faktor-faktor unsur eufemisme yang digunakan dalam novel Silir Daksina karya Nizar Parman berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menganalisis teks KOMSAS Silir Daksina. Kajian mendapati bahawa novel ini mengandungi unsur eufemisme yang banyak diterapkan sama ada dalam perkataan atau dialog. Kajian juga mendapati makna sebenar yang digunakan oleh penulis adalah sesuai dengan konteks penyampaian teks. Kajian ini juga menjelaskan makna sebenar yang dinyatakan oleh penulis dan faktor penggunaan perkataan yang dipilih.

Kata kunci: Eufemisme, Prinsip Kesantunan Leech, Silir Daksina.

ABSTRACT

Euphemisms is language that uses soft words to replace rather harsh words. Euphemisms include subtle language used in order not to offend the listener. A study based on the element of euphemism was conducted based on Leech's (1983) Principle of Politeness. The aims of this study is to analyze the use of euphemism in the novel based on three objectives which are to examine the element of euphemism in the novel KOMSAS Silir Daksina, analyze the exactly meaning used by the author, discuss the factors of euphemism used in the novel Silir Daksina by Nizar Parman based on Leech Principles of Politeness (1983). This study was conducted qualitatively by analyzing the text of KOMSAS Silir Daksina. The study found that the novel contains an element of euphemism that is widely applied either in words or dialogue. The study also found that the actual meaning used by the author was appropriate to the context of the text presentation. The study also clarifies the real meaning stated by the authors and the usage factors of the selected words.

Keyword : *Euphemisms, Principle of Politeness Leech (1983), Silir Daksina*

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI RUJUKAN	HALAMAN
Pengakuan Hasil kerja.....	i
Pengesahan Penyelia.....	ii
Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	v
Abstract.....	vi
Senarai Kandungan.....	vii
BAB 1	
1.1 Latar belakang.....	1
1.2 Pernyataan masalah.....	2
1.3 Tujuan dan objektif kajian.....	3
1.4 Definisi operasi terma.....	3
1.4.1 Eufemisme.....	3
1.4.2 Bahasa Halus.....	4
1.4.3 Prinsip Kesopanan Leech.....	4
1.5 Kepentingan kajian.....	5
BAB 2	
Sorotan Kajian.....	7
BAB 3	
3.0 Metodologi.....	14
3.1 Reka Bentuk kajian.....	14
3.2 Korpus Kajian.....	14
3.3 Instrumen Kajian.....	14
3.4 Prosedur Kutipan Data.....	19
3.5 Prosedur Analisis Data.....	19
3.6 Batasan Kajian.....	19
BAB 4	
Dapatan dan perbincangan.....	21
Analisis Dapatan Kajian novel.....	21
Analisis unsur eufemisme dalam dialog dalam novel.....	25
Unsur eufemisme 'Mati'.....	30
Unsur eufemisme 'Tua'.....	35

Unsur eufemisme 'gaduh'	37
Unsur eufemisme 'cerai'	38
Unsur eufemisme 'Jahat'	38
Unsur eufemisme 'Gemuk'	39
Unsur eufemisme 'Kuli'	40
Unsur eufemisme 'Miskin'	41
Unsur eufemisme 'Buruk'	41
Unsur eufemisme 'Benci'	42
Unsur eufemisme 'Lia'	43
Unsur eufemisme 'Kudis'	44
Unsur eufemisme 'Gila'	44
Unsur eufemisme 'Berkeras'	45
BAB 5 KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	47
5.1 Ringkasan Kajian	47
5.2 Implikasi Kajian	48
5.3 Hala tuju kajian akan datang	49
5.4 Rumusan	49
RUJUKAN	50

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa merupakan medium yang penting kepada manusia dalam kehidupan seharian. Bahasa menjadi sebuah bahan komunikasi antara manusia. Kewujudan bahasa dapat membolehkan manusia untuk berkomunikasi sesama mereka. Menurut Asmah Omar (seperti yang dinyatakan dalam Mohd Khalid & Atan, 2017) , bahasa yang digunakan merupakan lambang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu perkara yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak, seterusnya pengguna bahasa dapat mengerti tentang sesuatu yang dibicarakan itu. Pengguna bahasa haruslah memiliki ketrampilan semasa berbahasa. Pengguna bahasa harus pandai menyesuaikan diri dalam situasi berbicara seperti berbicara dengan siapa, situasi semasa bicara dan nada bicara yang digunakan. Teknik berbicara yang betul harus dipraktikkan oleh pengguna bahasa bagi mengelak kesalahfahaman semasa berbicara dengan individu yang lain. Oleh yang demikian itu, pengguna bahasa harus bijak dalam memilih kata dalam perbincangan seharian mereka agar ketrampilan mereka terjaga di samping menjaga kesopanan, adab dan etika dalam berbicara.

Dalam penggunaan bahasa yang sopan, beradab dan beretika, terdapat banyak jenis penggunaan bahasa yang melambangkan hal tersebut seperti penggunaan unsur eufemisme. Penggunaan unsur eufemisme adalah berkait dengan penggantian kepada bahasa yang kasar kepada bahasa yang lebih lembut dan elok didengar. Dalam konteks Bahasa Melayu, penggunaan unsur eufemisme ini sering digunakan dalam menggantikan perkataan yang kasar seperti yang melibatkan mati, tubuh badan, penyakit dan sebagainya. Eufemisme merupakan gaya bahasa perbandingan yang bersifat menggantikan satu pengertian dengan kata lain yang hampir sama untuk memperhaluskan maksud (Abu Bakar & Zolkipli, 2012). Menurut Teo Kok Seong (2003) dipetik oleh S.Norashikin dan Ernawita Atan (2017), eufemisme boleh menukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna dan tidak bertentangan dengan nilai-nilai murni. Penggunaan unsur eufemisme turut boleh digunakan dalam bertutur sekiranya tengah marah atau tidak puas hati dengan sesuatu perkara bagi mengelakan perkelahian yang berlanjutan disamping menjaga kesopanan dalam berbicara.

Masyarakat dan Budaya Melayu sering menggunakan eufemisme yang merujuk kepada sesuatu yang dianggap lembut, lebih baik dan menyenangkan. Hal ini kerana

masyarakat Melayu tidak mahu memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang yang menyebabkan mereka kurang berterus-terang (Abu Bakar & Zolkipli, 2012). Hal ini lebih dikenali sebagai kiasan. Kiasan Melayu sudah mempunyai pelbagai jenis gaya bahasa halus yang biasanya berbentuk ungkapan seperti peribahasa atau simpulan bahasa yang mengandungi isi atau pengertian kurang menyenangkan, seperti pengertian tentang kesedihan, kemalangan, kerugian dan sebagainya (Keris Mas yang dinyatakan dalam Abu Bakar & Zolkipli, 2012). Masyarakat melayu tidak hanya menggunakan unsur eufemisme dalam lisan seharian mereka. Masyarakat melayu juga menerapkan unsur eufemisme dalam penulisan mereka. Penulisan merupakan sebuah medium yang boleh digunakan untuk menyampaikan harapan, pendapat dan pengajaran kepada individu lain. Penulisan yang baik mencerminkan peribadi yang baik. Individu yang bertamadun mempunyai kesantunan berbahasa yang baik. Oleh yang demikian itu, pengkaji telah memilih untuk mengkaji unsur eufemisme dalam fokus utama kajian dalam novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Zuraidah Jantan (200) seperti yang dipetik oleh Mohd Khalidi dan Atan (2017) menyatakan bahawa terdapat unsur eufemisme yang belum lagi menjadi kebiasaan dalam kalangan penutur bahasa dan belum mantap ertinya. Eufemisme adalah unsur yang mampu mengubah makna sesebuah perkataan menjadi lebih elok didengar dan menyenangkan hati pendengar atau individu yang berinteraksi dengan seseorang. Kajian mengenai unsur eufemisme masih kurang dijalankan di Malaysia. Pemahaman mengenai unsur eufemisme amat penting kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, masyarakat generasi kini terutamanya Gen Z kurang mengaplikasikan unsur eufemisme sama ada secara lisan atau bertulis. Pengaruh media sosial yang banyak berunsur kata-kata kesat telah menyebabkan pudarnya kesantunan berbahasa yang di didik semasa kecil.

1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis unsur eufemisme yang diterapkan oleh penulis dalam novel *Silir Daksina*. Berikut merupakan tiga objektif yang menjadi dasar bagi analisis kajian:

- i. Meneliti unsur eufemisme dalam novel *KOMSAS Silir Daksina*
- ii. Menganalisis makna sebenar yang digunakan oleh penulis
- iii. Membincangkan faktor-faktor unsur eufemisme yang digunakan dalam novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

1.4 DEFINISI OPERASIONAL TERMA

1.4.1 Eufemisme

Eufemisme menurut Zulkifli, Buhari dan Hassan (2019) adalah bahasa yang menggunakan kata-kata yang manis untuk menggantikan kata-kata yang agak kasar. Menurut Kamus Dewan edisi 2016, eufemisme membawa maksud ungkapan halus, sopan, lemah-lembut dan elegan. Eufemisme merupakan gaya bahasa yang menunjukkan ungkapan-ungkapan yang lebih sopan dan halus sifatnya bagi menggantikan bahasa atau perkataan yang tidak menyenangkan dan tidak sedap didengari (Teo Kok Siong (1996) seperti yang dinyatakan oleh Zuklifli et al). Eufemisme merupakan bahasa yang penuh tertib dan sopan walau dalam apa jua keadaan kerana penggunaan kata-katanya yang halus bukan sekadar untuk menyampaikan mesej malahan juga tidak menyinggung perasaan pendengarnya

(Asmah haji Omar, 2004; Rahman Shaari, 1993 seperti yang dinyatakan oleh Zulkifli et al, 2019).

1.4.2 Bahasa Halus

Bahasa halus merupakan variasi bahasa yang menggambarkan penggunaan bahasa yang sopan atau honorifik. Kehalusan itu dapat dilihat daripada penggunaan kosa kata dan ungkapannya yang menunjukkan kesopanan dengan cara sapaan, gaya dan intonasi yang penuh adab. Penggunaan bahasa halus dikaitkan dengan faktor kontekstual iaitu hubungan antara manusia dalam sesuatu konteks pertuturan dan faktor budaya sesebuah masyarakat. Bahasa halus juga mengutamakan diksi yang sopan, beradab, dan lebih manis. Lazimnya, kiasan pemanis akan digunakan dalam percakapan atau penulisan sesebuah teks.

1.4.3 Prinsip Kesopanan Leech (1983)

Perkembangan bidang pragmatik telah menyebabkan kemunculan pengkaji barat yang mengetengahkan model mereka untuk meneliti aspek kesopanan. Antara model yang terkenal ialah Model Prinsip Kesopanan Leech (1983). Model Prinsip Kesopanan Leech (1983) menekankan kesopanan yang memberikan keselesaan dan menyenangkan hati pendengar dengan penutur mempamerkan sikap beralah melalui ungkapan yang beradab. Model Leech dianggap relevan untuk diaplikasikan ke dalam kajian ini bagi memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam bahan yang berbentuk didaktik seperti bahan KOMSAS yang sarat dengan penghayatan terhadap nilai murni (Beden & Zahid, 2015). Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan prinsip kesopanan (PS). Terdapat enam maksim dalam PS Leech (1983) iaitu:

- 1) Maksim kebijaksanaan ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Kebijaksanaan dalam kajian ini merujuk tindakan mengurus sesuatu situasi tanpa menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi. Situasi yang dimaksudkan merujuk cara yang berhemah untuk mendekati atau berurusan dan memanggil atau menyapa orang lain agar dapat mewujudkan kemesraan dalam komunikasi selain memaksimumkan manfaat kepada pendengar.
- 2) Maksim kedermawanan ialah maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri, atau dengan kata lain menguntungkan orang lain. Dalam kajian ini, maksim kedermawanan dikenal pasti melalui sikap murah hati dalam

memberikan bantuan, menawarkan bantuan dan mempelawa orang lain tanpa mengira kos yang ditanggung.

3) Maksim sokongan ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui sikap memuji dengan penggunaan kata pujian terhadap orang lain dan ungkapan menghargai agar orang lain berasa senang hati.

4) Maksim kerendahan hati ialah maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui tindakan merendah diri dengan meminta maaf untuk mengelak pihak lawan tutur berasa tersinggung selain penggunaan ungkapan tertentu untuk mencaci diri sendiri.

5) Maksim persetujuan ialah maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain bagi mencapai kesepakatan. Dalam kajian ini, maksim persetujuan dikenal pasti melalui persetujuan secara langsung dan secara tidak langsung oleh pihak lawan tutur bagi melancarkan komunikasi.

6) Maksim simpati ialah maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui sikap belas kasihan dan sikap mengambil berat apabila mendengar permasalahan orang lain bagi tujuan memaksimumkan simpati terhadap orang lain

1. 5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini akan dapat membantu pelajar terutamanya yang mengambil bidang linguistik. Ilmu linguistik berkenaan unsur eufemisme ini kurang diberi penekanan dalam pelajaran terutama di sektor sekolah menengah. Pengkaji mendapati bahawa dengan adanya penghasilan kajian ini akan dapat menambah pengetahuan kepada pelajar sastera terutamanya yang akan mengambil Sijil Perperiksaan Malaysia (SPM) yang akan mendatang.

Selain itu, kajian ini penting untuk memperlihatkan kesesuaian pemilihan novel yang dipilih sebagai teks KOMSAS untuk pelajar SPM. Novel Silir Daksina karya Nizar Parman merupakan novel terpilih yang telah ditapis dengan teliti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengukur kualiti sastera

yang terdapat di Malaysia. Kualiti sastera di Malaysia sememangnya baik dalam menampilkan sosiobudaya dan pengajaran kepada khalayak pembaca. Namun begitu, tidak semua khalayak mampu untuk memahami pemikiran yang hendak disampaikan oleh penulis. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk merungkai sisi positif yang disampaikan oleh penulis untuk mendidik pembaca agar lebih mengamalkan kesantunan dalam berbahasa dengan menggunakan bahasa yang halus dan sopan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

Makalah ini dikemukakan bertujuan untuk membincangkan unsur eufemisme dalam novel KOMSAS berjudul *Silir Daksina* karya Nizar Parman. Dalam hal ini, perbincangan tentang unsur eufemisme (kesantunan berbahasa) sebelum ini telah banyak dilakukan oleh beberapa orang pengkaji.

Antaranya, kajian berkenaan unsur eufemisme telah banyak dilakukan oleh pengkaji bukan sahaja pengkaji dalam negara malah pengkaji luar negara. Sebagai contoh dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Khalid dan Atan (2017) tentang unsur-unsur eufemisme yang terdapat dalam novel remaja iaitu novel *Jalan Retak* karya A. Samad Said. Kajian ini berdasarkan objektif yang telah mengenalpasti makna unsur eufemisme dan membincangkan faktor-faktor unsur eufemisme digunakan dalam novel *Jalan Retak* (2012) karya A. Samad Said yang berlandaskan Teori Logik Simbolik. Sampel kajian merupakan sebuah novel remaja yang bertajuk *Jalan Retak* (2012) karya A. Samad Said. Penggunaan Teori Logik Simbolik telah digunakan sebagai pendekatan untuk proses menganalisis data yang diperoleh. Teori Logik Simbolik merupakan kajian yang menghuraikan makna bukan sahaja pada perkataan tetapi pada ayat dan perlakuan manusia sebagai reaksi kepada tanggapan yang diterima oleh mereka mengenai makna sesuatu perkataan (Mohd Khalid & Atan, 2017). Teori Logik Simbolik ini mengandungi tiga bahagian kajian iaitu kajian semantik, sintaktik dan pragmatik. Semantik ialah kajian yang berhubungan simbol dengan rujukan atau hubungan antara perkataan dan benda. Sintaktik pula ialah kajian hubungan antara perkataan dengan perkataan yang boleh menentukan makna dan pragmatik adalah kajian hubungan antara simbol dengan perkataan dan perlakuan yang ditonjolkan oleh seseorang sebagai reaksi kepada perkataan yang ditonjolkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa A.Samad Said telah menggunakan 32 unsur eufemisme dalam novel *Jalan Retak*. Hasil penelitian Mohd Khalid dan Atan (2017) mendapati unsur eufemisme yang sudah mantap erti dan penggunaannya seperti *rumah tangga, lelaki, perempuan, wanita* dan lain-lain dan *merengek-rengok, belum LCE, berbuku* dan sebagainya merupakan unsur eufemisme yang belum lagi menjadi kebiasaan penutur bahasa dan belum mantap juga terdapat dalam novel ini. Bagi faktor-faktor penggunaan unsur eufemisme dalam novel ini adalah disebabkan perbezaan umur, faktor situasi menjaga ketrampilan berbahasa supaya nampak sopan, beradab, menghormati orang lain, dan cuba menampilkan unsur eufemisme dengan cara yang

tersendiri dan baharu sebagai kesenian dalam penulisan A. Samad Said. Sebagai contohnya, Perkataan *tiada/tidak* dari sudut semantik boleh dimaksudkan sebagai *tidak mempunyai* atau *tidak hadir*. Namun berdasarkan unsur eufemisme bagi menggantikan perkataan yang dianggap kasar iaitu, *mati*, *mampus* atau *kojol* (Mohd Khalid dan Atan, 2017).

Unsur eufemisme yang merupakan bahasa yang menjaga adab pertuturan telah dikaji oleh Arumugam, Abd. Mutalib dan Md Yusoff (2020) mengenai unsur eufemisme dalam novel *Ranggau*. Tujuan kajian membincangkan jenis-jenis eufemisme yang terdapat dalam novel *Ranggau* berdasarkan pendekatan eufemisme yang telah dikelompokkan oleh Allan dan Burrige (1991). Pendekatan eufemisme yang dikaji adalah bersandarkan kepada nilai dan budaya Melayu dalam novel *Ranggau*. perbincangan akan ditumpukan kepada jenis eufemisme yang mempunyai kekerapan yang tinggi dalam novel *Ranggau* seperti konotasi negatif, penggantian dan bahasa kiasan sahaja yang seringkali diguna oleh penulis-penulis novel tempatan. Kajian Abd. Mutalib dan Md Yusoff (2020) telah menggunakan kaedah kajian yang dilakukan oleh Frey, Botan, dan Kreps (1999), Mckee (2001) dan Bryman (2012) untuk proses pengumpulan dan analisis teks. Pengkaji bersandarkan kepada Pendekatan eufemisme oleh Allan dan Burrige (1991) yang telah mengelompokkan sembilan kaedah eufemisme iaitu bahasan kiasan, konotasi negatif, penggantian, singkatan dan pinjaman elipsis, hiperbola, ironi dan istilah umum kepada istilah khusus. Dapatan kajian Abd. Mutalib dan Md Yusoff (2020) mendapati bahawa terdapat 62 unsur eufemisme yang terdapat dalam novel *Ranggau* dan jenis konotasi negatif mencatatkan 51.14%, jenis penggantian, mencatatkan 31.74%, jenis bahasa kiasan mencatatkan 11.11%, manakala jenis pinjaman dan singkatan tidak digunakan. Sebagai contohnya, data yang berunsurkan konotasi negatif yang merupakan ayat rujukan kepada perkara tabu yang disampaikan secara samar-samar atau kabur seperti “I nak you temankan I malam ni” yang tidak bermakna literal seperti tidur sebilik tetapi merupakan tujuan ajakan perbuatan zina atau bersetubuh. Hasil daripada analisis kajian mendapati bahawa penulis novel *Ranggau* ini lebih gemar menggunakan konotasi negatif, penggantian dan bahasa kiasan untuk mengindahkan bahasanya dalam karya manakala unsur-unsur eufemisme jenis lain seperti pinjaman dan singkatan tidak ditemuni.

Kajian terhadap eufemisme seterusnya ialah Abu Bakar dan Zolkipli (2012) untuk mengenalpasti dan membandingkan penggunaan kekerapan penggunaan unsur eufemisme dalam novel Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) Tingkatan Empat, iaitu *Melunas Rindu dan Renyah* dan menggunakan maksim santun dalam Prinsip kesopanan Leech (1993) dalam menganalisis data. Kajian ini menggunakan tinjauan perpustakaan untuk mengumpul

data novel. Bagi menganalisis data beliau menggunakan pendekatan kajian Geoffrey Leech (1993) dalam Prinsip Kesopannya yang menekankan kecenderungan untuk bersikap hormat dan bukannya berkonflik dalam jalinan sosial. Walaupun Prinsip Kesopanan yang diketengahkan oleh Leech mempunyai enam maksimum namun kajian beliau menumpukan kepada hanya satu maksimum iaitu maksimum santun. Hasil kajian yang telah diperoleh, beliau telah mengenalpasti 39 unsur eufemisme terdapat dalam keseluruhan teks novel *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah bersamaan dengan 60% dan 26 unsur eufemisme telah dikenal pasti terdapat dalam keseluruhan teks novel *Renyah* karya Gunawan Mahmood bersamaan dengan 40%. Contoh data yang diperoleh dalam kajian Abu Bakar dan Zolkipli (2012) ialah penggunaan kata *dah tak ada* atau *meninggal* digunakan untuk menjaga hati lawan bicara yang terpaksa menerima hakikat tentang kematian tersebut. Jika perkataan asal, iaitu *mati* digunakan, pendengar akan menjadi lebih tertekan. Hal ini menunjukkan watak yang menggunakan unsur ini mengamalkan Maksim Santun dengan meminimumkan kos dan memaksimumkan manfaat bagi lawan tutur.

Abdul Wahab et al., (2016) menjalankan kajian mengenai eufemisme pengurusan jenazah masyarakat Melayu Sarawak yang merupakan analisis semantik kognitif. Tujuan kajian ini ialah meninjau eufemisme masyarakat Melayu Sarawak dalam hal kematian, khususnya pengurusan jenazah. Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah kualitatif iaitu kajian lapangan. Maka untuk mencapai objektif kajian, para pengkaji telah menggunakan temu bual dalam proses mendapatkan data. Informan terdiri daripada dua orang penutur lelaki dan dua orang penutur wanita dari Kampung Panglima Seman Hulu dan Kampung Buntal, Kuching Sarawak. Temu bual dijalankan secara kumpulan mengikut soalan yang telah dirangka berdasarkan topik kematian. Kajian ini meneliti empat eufemisme pengurusan jenazah yang digunakan oleh penutur Melayu Sarawak dalam urusan pengebumian, iaitu *disempurnakan*, *turun tanah*, *kebumi*, dan *disemadi*. Kerangka semantik kognitif sasaran Lakoff (1987) digunakan dalam menganalisis data. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan eufemisme yang lebih halus dan lembut sifatnya dalam sesuatu ujaran ini dapat mengelakkan penggunaan isitilah tabu yang menyebabkan kedukaan dan ketidakselesaan kepada pengujar dan pendengar (Allan & Burridge seperti yang dinyatakan dalam Abdul Wahab et al., 2016). Contoh data yang diperoleh oleh para pengkaji ialah eufemisme *disempurnakan* dalam ayat “Bila jenazah tok nak disempurnakan?” (Bila jenazah ini hendak disempurnakan?) yang mewujudkan pemahaman terdapat satu entiti yang perlu berada dalam keadaan baik dan elok yang wajib menerima empat perkara sebagai hak selepas meninggal

dunia iaitu memandikan. Mengapankan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah. Keadaan ini menunjukkan jenazah perlu dihormati dan ditunaikan haknya untuk diuruskan secara sempurna yang dimaksudkan sebagai *disempurnakan*.

Mohd Shukor et al., (2021) telah melakukan tinjauan terhadap eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. Pengkaji menyatakan dua objektif. Objektif yang pertama ialah mengenal pasti penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar. objektif yang kedua ialah menganalisis penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. Pendekatan Kualitatif dilakukan untuk memberi kefahaman yang lebih terperinci tentang sesuatu perkara yang ingin dikaji (Cresswell & Garret seperti yang dinyatakan dalam Mohd Shukor et al., 2021). Responden kajian merupakan pelajar tingkatan 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor. 30 orang pelajar tingkatan 1 telah menjadi responden dalam kajian ini. Borang maklum balas yang mengandungi 20 soalan digunakan untuk mencatat penggunaan eufemisme dan disfemisme yang dituturkan oleh responden namun tidak diedarkan kepada responden tetapi dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Prinsip kesantunan Leech bagi menjelaskan penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar. Hasil daripada pengumpulan data daripada borang maklum balas responden, kajian ini menunjukkan dua maksim digunakan dalam ujaran responden, iaitu maksim penghargaan dan maksim kerendahan hati. Misalnya, contoh data yang diperolehi yang mengandungi unsur maksim penghargaan iaitu meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain ialah pelajar mengujarkan *assalamualaikum, selamat sejahtera, selamat pagi* dan *hai* untuk menyapa guru dan rakan-rakannya.

Menurut Abdullah & Abd. Rahman (2019) dalam penulisannya menyarakan terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu mengalami penyemakan semula kerana wujudnya unsur disfemisme dalam teks terjemahan. Oleh itu Abdullah & Abd. Rahman (2019) telah menjalankan kajian berkenaan eufemisme dalam wacana terjemahan makna Al-Quran ke bahasa Melayu yang merupakan analisis pragmatik. Tujuan kajian adalah meneliti unsur eufemisme yang terdapat dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks yang dihuraikan secara deskriptif. Korpus kajian merupakan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman oleh Abdullah Basmeih dan Terjemahan al-Quran al-Kairm Rasm Uthmani oleh Hidayah House of Quran. Kajian ini mengaplikasikan

kerangka teori kesantunan berbahasa yang digagaskan oleh Leech. Hasil daripada analisis Kerangka Teori Kesantunan Leech mendapati 7 perkataan yang menjadi sampel kajian iaitu (مات), (الغائط), (احمليض), (حتمل), (تضع), (عافر) dan (ثيبات). Dalam contoh kata (مات) iaitu mati dalam Surah al-Taubah yang merujuk kepada orang-orang munafik yang engkar kepada Allah dan hina oleh-Nya yang sesuai digunapakai walaupun menyalahi maksim Santun Leech. Terdapat juga data yang tidak menepati Maksim Santun Leech seperti penggunaan perkataan (haid), (haidh) dan (darah haid) kerana tidak menggunakan padanan perkataan yang sopan untuk menjaga sensitiviti masyarakat Melayu.

Md. Yusoff et al., (2017) menjalankan kajian berkenaan eufemisme dalam kalangan mahasiswa dan implikasinya kepada kesantunan berbahasa. Tujuan kajian ini adalah meneliti amalan kesantunan berbahasa golongan mahasiswa berdasarkan bahasa yang digunakan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan eufemisme yang digunakan oleh pelajar kursus SBLM 1023, UUM, mengkategorikan eufemisme yang digunakan oleh pelajar kursus SBLM 1023, UUM dan menjelaskan penggunaan eufemisme pelajar kursus SBLM 1023, UUM dengan kesantunan berbahasa bahasa Melayu. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen yang merupakan skrip drama yang ditulis oleh pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini meneliti unsur-unsur eufemisme berdasarkan Juhari dan Rahid dan Nathesan (seperti yang dinyatakan dalam Md. Yusoff et al., 2017) menyatakan eufemisme ialah perkaitan pantang larang atau tabu bahasa. Hasil kajian memperlihatkan kehadiran penggunaan eufemisme dalam penulisan pelajar kursus SBLM 1023 yang berkaitan pantang larang atau tabu bahasa. Eufemisme bukan sahaja digunakan bagi menggantikan perkataan-perkataan yang dianggap tabu dalam masyarakat Melayu, malah telah diperluaskan penggunaannya kepada tujuan menjaga air muka dan melembutkan perkataan-perkataan yang sememangnya telah lembut bagi ‘mencantikkan’ bahasa yang digunakan (Zuraidah seperti yang dinyatakan dalam Md. Yusoff et al., 2017). Antara data yang diperolehi ialah “*benda tu* dah tak ada ke?”, “dia akan datang” dan “dia pusing-pusing kat luar aja pun” yang menunjukkan penggunaan eufemisme bagi menggantikan kata hantu syaitan kerana penutur bimbang jika diujarkan akan ditimpa malapetaka atau bencana dan risiko didatangi hantu syaitan berkurang.

Antara kajian yang menjalankan kajian unsur eufemisme adalah seperti Ritos dan Daud (2020) yang mengkaji berkenaan strategi penggantian disfemisme kepada dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau dari segi analisis pragmatik. Tujuan kajian adalah meneliti kewujudan disfemisme dan pengantiannya kepada bahasa eufemisme dalam

komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, di Kampung Serasot, Bau Sarawak. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti jenis-jenis disfemisme dan eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh di Kampung Serasot, Bau, Sarawak dan menganalisis strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme menggunakan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data kajian dilakukan menerusi teknik temu bual telah dijalankan secara tidak formal. Terdapat dua informan telah dipilih ditemu bual di sebuah perkampungan daerah Bau, Sarawak iaitu di Kampung Serasot. Pemilihan informan lelaki dan perempuan berumur kerana ingin mewujudkan keseimbangan data antara yang diambil. Pengkaji telah berpandukan teori eufemisme oleh Allan dan Burridge (1991) yang mengkategorikannya kepada sembilan kategori iaitu anggota tubuh badan, jantina, seks, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian, ketakutan, merujuk kepada tuhan bagi pengelasan domain eufemisme dan disfemisme dalam kalangan masyarakat Bidayuh, Bau. Bagi menganalisis data eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau, pengkaji akan menggunakan Teori Relevan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang menekankan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Hasil dapatan kajian mendapati masyarakat Bidayuh di perkampungan Daerah, Bau mempunyai beberapa jenis disfemisme dan penggantian eufemisme yang diamalkan dalam kegiatan hidup mereka berkaitan anggota tubuh badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, bahasa cacian dan juga kematian. Perkataan “sisun” dianggap sebagai perkataan yang kurang sopan bagi masyarakat bidayu, oleh itu mereka telah mengganti perkataan tersebut kepada “nenen” sebagai eufemisme kepada perkataan tersebut. Perkataan “nenen” digunakan oleh masyarakat bidayuh bagi mengelakkan perasaan malu terhadap orang yang dicakap terutama lelaki dan kanak-kanak.

Kajian yang dilakukan oleh Zulkifli, Buhari dan Hassan yang berunsurkan eufemisme cerminan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia dan melihat hubungan kesantunan berbahasa dengan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Pengumpulan data diambil melalui tinjauan ke atas 272 orang belia Melayu, Cina dan India di Lembah Klang. Soalan soal selidik berkaitan kesantunan berbahasa diberikan kepada responden mengikut tiga skala kesantunan iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Pengkaji juga menggunakan borang soal selidik yang telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan sebelum data sebenar dikumpul.

Harishon Radzi dan Phylisia David menjalankan kajian mengenai unsur eufemisme dan perumpamaan dalam teks hikayat iban. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan aspek kesopanan berbahasa atau penggunaan bahasa halus yang terdapat dalam cerita hikayat masyarakat iban di Sarawak. Objektif kajian ini pula ialah meneliti penggunaan bahasa sopan berdasarkan konteks kehidupan sebenar masyarakat Iban di dalam cerita hikayat khususnya unsur eufemisme dan perumpamaan. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan secara tidak langsung pengaruh bahasa sopan terhadap kehidupan masyarakat Iban pada zaman lampau sehingga ke hari ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian lapangan. Kaedah kualitatif dijalankan dengan menganalisis tiga teks cerita hikayat yang memaparkan tentang kehidupan masyarakat Iban lampau yang bertajuk *Bunga Nuing Ngamboh*, *Lumpang Manding dan Setangkai*. Di samping menggunakan analisis teks, pengkaji juga menggunakan teknik kajian lapangan dengan menjalankan temu bual kepada beberapa informan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Dapatan kajian disampaikan secara deskriptif untuk menunjukkan bahawa penggunaan bahasa-bahasa halus sepertimana yang terdapat dalam cerita hikayat iban. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa halus Iban yang menjadi fokus kajian mempunyai perubahan seiring dengan perubahan zaman. Perkataan kasar iaitu “parai” dalam bahasa Iban mengalami perubahan kepada beberapa kata yang lebih sopan seperti “midang”, “laya”, “nadai”, “lenyap”, “danyan”, “lesi”, “tumbang”, “lenyau”, “sulai”, “lenti”, dan “lendong tiang”. Penggunaan unsur eufemisme ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban juga menerapkan unsur eufemisme dalam penulisan teks mereka disamping perubahan kata yang seiring dengan peredaran zaman.

Rumusannya, kajian-kajian yang berunsurkan eufemisme amat signifikan dengan norma masyarakat Melayu yang tinggi tatasusilanya. Lazimya, masyarakat melayu tidak bercakap secara terus terang dan sering menggunakan kiasan. Penggunaan kiasan ini kadangkadangkang sukar untuk difahami amnya generasi kini. Kajian-kajian berkenaan unsur eufemisme ini dijadikan sebagai panduan dalam melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam kajian sebelumnya. Kajian dalam teks berkenaan eufemisme masih kurang dijalankan di Malaysia. Justeru itu, pengkaji telah merujuk kepada beberapa kajian lepas sebagai panduan untuk kajian yang akan dilakukan.

BAB 3

3.0 METOLOGI

Bab ini membincangkan kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks dan perpustakaan bagi menganalisis unsur eufemisme yang digunakan dalam novel *Silir Daksina* (2015) karya Nizar Parman. Kaedah kualitatif membolehkan pengkaji untuk mendapatkan data secara terperinci dan jelas berdasarkan analisis teks yang digunakan oleh pengkaji. Kaedah analisis teks dijalankan dengan menganalisis sampel perkataan yang dipilih dalam novel *Silir Daksina* yang mempunyai unsur eufemisme. Kaedah kualitatif tidak memerlukan responden dan hal ini dapat membolehkan pengkaji memberi tumpuan penuh dalam kajian yang dilakukan tanpa sebarang gangguan.

3.2 Korpus Kajian

Penganalisan teks dilakukan dengan memilih teks atau novel yang sesuai sebagai sampel kajian. Bagi kajian ini, korpus kajian adalah teks novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman digunakan sebagai sumber kajian. Novel *Silir Daksina* merupakan novel terpilih yang digunakan sebagai teks KOMSAS untuk pelajar tingkatan 5. Novel ini digunakan sebagai salah satu teks yang akan dipelajari oleh pelajar tingkatan 5 di Malaysia yang akan mengambil Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Penggunaan novel ini telah diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2016. Novel ini mengandungi 16 bab, 276 muka surat dan diterbitkan pada tahun 2015 untuk edisi murid.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah medium atau alat yang dibina khas untuk mengumpulkan data kajian (Mohd Majid seperti yang dinyatakan oleh Romy et al. 2019). Kajian ini menggunakan maksim Leech. Terdapat enam maksim dalam Prinsip Kesopanan yang disenaraikan oleh Leech iaitu maksim santun, maksim dermawan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati. Namun, kajian ini hanya menggunakan satu

maksim iaitu maksim santun. Analisis kerangka kerja diadaptasi daripada kajian Abu Bakar dan Zolkipli (2012). Jadual 1 dan 2 menunjukkan kaedah pengaplikasian dalam kajian ini dengan menyenaraikan beberapa contoh. Jadual 1 menunjukkan unsur eufemisme yang telah diteliti dan diperolehi daripada novel *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah dan *Renyah* karya Gunawan Mahmood.

Jadual 1

Bil	Unsur Eufemisme	Novel	Contoh Kata	Makna
1	Eufemisme ialah	Melunas Rindu karya Hartini Hamzah	Panas badan	Sakit
2			Panas lain macam	Sakit teruk
3			Ketiadaan	Kematian
4			Pemergian	Kematian
5			Kehilangan	Kematian
6			Ditinggalkan	Kematian
7			Cemberut	Masam(air muka)
8			Kumal	Renyuk
9			Sudah pergi	Mati
10			Pergi	Mati
11			Tak akan kembali	mati
12			Damai dipeluk tanah	mati
13			Dah tak ada	mati
14			Meninggal	mati